

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah
[Lenggong]**

TARIKH : 8 Jun 2015 (Isnin)

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** pencapaian (kejayaan) yang dicapai Kerajaan melalui Program Tranformasi Nasional yang telah dan sedang dilaksanakan. Apakah langkah dan perancangan seterusnya.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sedia maklum, agenda Transformasi Nasional bertujuan untuk meningkatkan gerakan usaha bersepadu bagi menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan mengekal dan meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat berteraskan empat program utama iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Sosial dan Program Transformasi Politik. Pelaksanaan Agenda Transformasi Nasional ini diperkukuhkan dengan 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), 12 Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) dan 6 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

Baru-baru ini, pada 28 April 2015, YAB Perdana Menteri telah merasmikan Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2014 di Angkasapuri bagi GTP dan ETP yang memberi perincian pencapaian setiap kementerian. Laporan tahunan ini sebagaimana laporan tahunan terdahulu telah memaparkan kejayaan serta memperkenalkan langkah seterusnya dalam melaksanakan program transformasi untuk menyampaikan hasil yang signifikan.

Program Transformasi Kerajaan

Sebahagian besar hasil kemajuan Malaysia dalam perjalanan mencapai status negara membangun dan berpendapatan tinggi adalah dari penambahbaikan dan perubahan pelaksanaan dalam penyampaian

perkhidmatan awam yang berkesan dan berimpak tinggi menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP). GTP merupakan inisiatif yang bercita-cita tinggi dan meluas yang bertujuan menangani bidang-bidang utama yang menjadi kebimbangan rakyat. Matlamat utama GTP adalah untuk memastikan jurang ketidaksamaan sosioekonomi dapat ditangani sementara kebolehcapaian kemudahan sosial pula dipertingkatkan. Ia sejajar dengan Model Ekonomi Baru (MEB) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) dan perlu dirujuk bersama-sama dengan inisiatif ini sebagai sebahagian usaha bersepadu untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara yang progresif, harmoni dan berpendapatan tinggi.

Pada tahun 2014, GTP telah meneruskan usaha untuk penyampaian dalam bidang yang amat penting kepada semua rakyat Malaysia, seperti mempertingkatkan taraf kehidupan untuk semua, mempertingkatkan taraf kehidupan di kawasan luar bandar menerusi penyediaan infrastruktur asas dan peluang ekonomi, memastikan pendidikan berkualiti untuk generasi muda, menambahbaik ketercapaian dan kesalinghubungan infrastruktur pengangkutan awam bandar untuk perjalanan ulang-alik yang lebih lancar, mewujudkan persekitaran yang selamat, dan menggalakkan akauntabiliti dan amalan beretika, serta keterbukaan terhadap akauntabiliti dan ketelusan yang lebih besar di institusi Kerajaan.

Tahun 2014 juga merupakan tahun penting bagi GTP yang bertindak sebagai pertengahan perjalanan dalam Program Transformasi Negara, dan pada masa yang sama ia adalah tahun terakhir bagi GTP 2.0. Oleh itu, naratif GTP adalah perkongsian perspektif daripada sebahagian rakyat Malaysia yang telah bersama-sama melaksanakan usaha

transformasi tanpa mengenal penat dan lelah sejak tahun 2010 dan juga mereka yang telah menerima impak positif daripada usaha transformasi tersebut.

Dengan demikian, berdasarkan pengesahan pencapaian oleh para pakar termasuk pihak berkecuali, pada tahun 2014 GTP berjaya mencapai kejayaan 105 peratus daripada sasaran keseluruhan pada tahun 2014. Antara pencapaian penting GTP adalah seperti berikut:

- Memperluas jangkauan program Kedai Rakyat 1Malaysia menerusi penubuhan kedai baharu di seluruh negara, sekaligus memastikan akses yang lebih meluas untuk rakyat mendapatkan barangan pada harga yang berpatutan.
- Membantu 24,646 individu berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan bulanan mereka sebanyak RM300 dalam mana-mana tiga bulan dalam setahun.
- Terus memperbaiki kedudukan Indeks Persepsi Rasuah bagi tahun kelima berturut-turut, kepada kedudukan ke-50 pada tahun 2014 daripada kedudukan ke-53 pada tahun 2013.
- Mengurangkan bilangan kes jenayah sebanyak 12.6%, dalam usaha untuk menjadikan negara kita tempat yang selamat untuk rakyat dan pelancong asing.
- Terus memastikan akses pendidikan yang berkualiti kepada kanak-kanak yang sebelum ini belajar di sekolah yang terpinggir.

Selain itu, pada tahun 2014 sahaja, terdapat peningkatan sejumlah 3,105 sekolah dalam Band 1 dan Band 2.

- Membina 485km jalan raya luar bandar dan menyampaikan bekalan air bersih dan terawat kepada 8,195 isi rumah selain menghubungkan 14,299 isi rumah kepada bekalan elektrik yang stabil.
- Meningkatkan bilangan pengguna pengangkutan awam di Kuala Lumpur kepada rekod tertinggi iaitu sebanyak 455,728 orang pada waktu puncak pagi dan melaksanakan infrastruktur sebagai asas kepada system MRT yang berkesan.

Program Transformasi Ekonomi

12 NKEA Program Transformasi Ekonomi melambangkan usaha kita untuk memfokuskan pertumbuhan ekonomi dalam industri yang dapat meningkatkan keupayaan, kepakaran dan pengkhususan sejajar dengan ciri-ciri yang ada dalam ekonomi berpendapatan tinggi.

Program Transformasi Ekonomi, ataupun ETP pula menggabungkan dua komponen, iaitu 12 Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA yang memfokuskan pertumbuhan ekonomi dan keduanya adalah 6 Inisiatif Pembaharuan Strategik atau SRI yang merangkumi dasar dan prosedur yang dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan dinamik. Gabungan NKEA dan SRI ini, disasar

untuk melonjakkan Pendapatan Negara Kasar Per Kapita atau PNK kepada 15,000 dolar, mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu dan menarik pelaburan berjumlah 444 bilion dolar menjelang tahun 2020.

Daya tahan ekonomi Malaysia telah dipacu oleh pelaburan sektor swasta yang kini mencecah 61 peratus daripada jumlah pelaburan. Momentum yang berterusan dalam pelaburan sektor swasta telah mewujudkan peluang pekerjaan melalui pertumbuhan PNK per kapita pada 2013, yang telah meningkat kepada 10,060 dolar daripada 7,059 dolar pada tahun 2009.

Antara pencapaian ETP yang membanggakan termasuk:

1. Melalui NKEA, Greater Kuala Lumpur / Klang Valley, InvestKL telah menarik 14 MNC untuk melabur di Greater KL pada tahun 2014. Sehingga kini, EPP ini berjaya menarik 46 MNC dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM4 bilion dan komitmen bagi pewujudan 6,000 peluang pekerjaan. Selain itu, 59% Laluan 1 MRT Sungai – Buluh Kajang telah siap dibina dan Laluan 2 rancak dijayakan.
2. NKEA Minyak, Gas dan Tenaga telah menyaksikan pelibatan negara dalam sektor hiliran telah mencatatkan kejayaan besar, Syarikat minyak nasional, PETRONAS telah mengumumkan Keputusan Pelaburan Muktamad (FID) bagi pembangunan Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) yang merangkumi projek pembangunan bersepadu petrokimia dan loji penapisan (RAPID). Projek RAPID ini disasarkan akan meningkatkan output petrokimia Malaysia dan memenuhi permintaan Asia Pasifik. Selain itu, NKEA ini juga menyaksikan pembinaan hab pusat penyimpanan dan perdagangan minyak serantau di mana Pengerang Independent Terminal telah

melancarkan operasinya melancarkan operasinya dengan meraikan ketibaan kapal pertama, MT Vinalines Glory pada 12 April 2014.

3. NKEA Pendidikan mencatat kemajuan yang besar dengan menjadi bukan sahaja penyumbang ekonomi malah juga pemangkin ekonomi. Enrolmen pelajar yang kukuh di Institusi Pengajian Tinggi Swasta dalam program hospitaliti dan pelancongan melebihi sasaran awal 16,000 untuk merekodkan enrolmen berjumlah 18,269. Disamping itu, peluasan pusat penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) swasta telah berjaya menyaksikan enrolmen seramai 41,109 kanak-kanak pra-sekolah swasta dan 1,103 kanak-kanak di pusat penjagaan kanak-kanak swasta.

4. SRI, Merapatkan Jurang Ketaksamaan menyaksikan Inisiatif *Carve Out and Compete* mencapai titik kemajuan baharu dengan memperuntukkan peluang khas kepada Bumiputera bernilai RM10.2 bilion daripada pelbagai projek, dan berjumlah RM23.5 bilion sejak tahun 2012. Program ini turut menyaksikan kesinambungan program yang meningkatkan akses Bumiputera kepada pembiayaan dan pasaran, seperti RM2.24 bilion Dana TeraS, RM580 juta Dana Halal, Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dan program eksport. Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB).

Bagi memastikan agenda transformasi ini terus bergerak dalam satu sinergi untuk mendaya dan mengubah Malaysia menjadi negara dengan status berpendapatan tinggi, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang wajar bagi memastikan transformasi negara terus berada di landasan yang kukuh. Oleh itu, halangan terakhir

GTP adalah fasa ketiga yang akan menyaksikan pengenalan langkah-langkah yang benar-benar inovatif yang akan menggabungkan rancangan dengan hasil yang diperolehi daripada Program Transformasi Ekonomi (ETP). Pada masa itu, perubahan daripada kedua-dua fasa GTP yang pertama akan menjadi lebih kukuh berakar umbi dalam pemikiran perkhidmatan awam, sekaligus memastikan perkhidmatan Kerajaan beroperasi pada kapasiti sepenuhnya. Perubahan spesifik yang akan diperkenalkan dalam GTP 3.0 adalah sukar untuk diramalkan sekarang walaupun arah umumnya adalah jelas. Dengan asas-asas perubahan yang mantap, GTP 3.0 akan menyaksikan pengenalan inovasi yang terbaik dan baru sepenuhnya yang akan meneruskan pembangunan Malaysia bersama pencapaian dalam ETP.

Sementara itu, program ETP yang berada di separuh kedua perjalanan Malaysia untuk menjadi Negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 akan diteruskan dan Kerajaan telah menetapkan strategi untuk bertindak balas terhadap perkembangan luaran dan memperkukuhkan daya tahan ekonomi dengan meneruskan pembaharuan konsolidasi fiskal, memberikan bantuan kepada rakyat dan entiti perniagaan yang terjejas oleh bencana yang melanda negara demi memastikan pembangunan yang mampan.

Dasar Transformasi Nasional berobjektif untuk memastikan agar pertumbuhan negara dicapai dengan cara yang seimbang, inklusif dan mampan bukan sahaja menjelang 2020 bahkan lebih jauh daripada itu.

Sekian, terima kasih.